

Pemimpin sokong Umno perlu tegas tangani cabaran

KUALA LUMPUR: Beberapa pemimpin Umno rakan dalam BN. Sekarang ini semakin berani," katanya.

Umno perlu berani lawan isu cabar hak orang Melayu

Oleh Ahmad Ghazali Musa

KUANTAN: Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata Umno semakin takut untuk menyuarakan perkara sensitif, terma-

Kita boleh melakukannya secara tertutup kerana ia lebih baik. Sebab itu, saya banyak kali mengatakan apabila pemimpin komponen mahu menyuarakan perkara sensitif membabitkan isu seperti DEB yang dilihat



Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri Besar Pahang... cabar UMNO supaya berani bangkit untuk menentang pihak-pihak yang membangkitkan dan mengkritik hak-hak orang Melayu.



Datuk Seri Lim Keng Yaik, Bekas Presiden parti GERAKAN... begitu berani menyuarakan tentang perkara sensitif seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Keratan akhbar yang memaparkan kenyataan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob baru-baru ini.

Oleh:
**WARTAWAN
 ERA BARU**

UMNO PENAKUT! - Adnan Yaakob

SEORANG Ahli Majlis Tertinggi UMNO yang juga Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, yang bercakap dalam sidang media selepas mesyuarat mingguan EXCO kerajaan negeri di Kuantan baru-baru ini telah mencabar UMNO supaya berani bangkit untuk menentang pihak-pihak yang membangkitkan dan mengkritik hak-hak orang Melayu.

Beliau berkata, UMNO kini dilihatnya semakin takut untuk menyuarakan perkara-perkara sensitif termasuk isu yang mencahar kepentingan orang Melayu yang membuatkan bu-

ni mencabar kepentingan orang Melayu.

Adnan mengakui iaitu jika UMNO tidak berani bersuara, parti pembangkang, terutama sekali DAP akan lebih berani membangkitkan isu perkauman tanpa perasaan segan silu "**UMNO penakut untuk bersuara tentang isu sensitif seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan apabila kita tidak bersuara orang lain akan menjadi jaguh dan lebih be-**

rani". Kita kononnya takut kerana hendak menjaga perasaannya orang lain. Kenapa DAP berani?"

Katanya ada seorang pemimpin dari komponen Barisan Nasional yang kerap lantang dan melatah seperti Presiden Gerakan, Datuk Seri Lim Keng Yaik yang begitu berani menyua-

rakan tentang perkara sensitif seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Adnan berkata, sebagai seorang dari ahli komponen Barisan Nasional beliau boleh membincangkan perkara ini di dalam Kabinet tetapi beliau membangkitkan isu sensitif itu di luar Kabinet.

Dalam pada itu, **ERA**

BARU telah menerima banyak panggilan telefon yang memberi pujian di atas keberaniannya menegur pemimpin-pemimpin UMNO dengan menggunakan tajuk "**Pemimpin UMNO Pengecut!**" kerana tidak berani bersuara biarpun mereka sedar banyak perkara-perkara yang salah telah berlaku di de-

pan mata mereka.

Justeru, adalah tepat sekali bagi akhbar **ERA BARU** mem buat teguran seperti itu tanpa ada perasaan takut apa yang mungkin dan akan berlaku pada akhbar ini apatah lagi sudah ada usaha-usaha dari Ibu Pejabat UMNO yang cuba merampas akhbar ini daripada diedarkan.